



HRD CORP LANCAR NATIONAL TRAINING INDEX (NTI)

Revolusi penanda aras keberkesanan latihan nasional menunjukkan Malaysia *highly experienced* dalam latihan dan pembangunan

Kuala Lumpur, 5 September 2023 – Human Resource Development Corporation (HRD Corp) telah melancarkan *National Training Index (NTI)* hari ini. Majlis pelancaran tersebut dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan V. Sivakumar, Menteri Sumber Manusia.

NTI merupakan inisiatif hasil kerjasama antara HRD Corp dengan badan perwakilan yang meliputi kerajaan, golongan akademik, organisasi penyelidikan dan pakar industri. Ia mengukur tahap keaktifan latihan dan aktiviti dalam kalangan industri di Malaysia. Ini termasuk majikan, sektor ekonomi dan subsektor. NTI juga akan menyediakan cadangan kepada badan berkenaan tentang cara untuk meningkatkan aktiviti latihan dalam industri masing-masing.

Proses penilaian dijalankan melalui tiga (3) dimensi, Kesediaan Firma, Pembangunan Kemahiran Pekerja dan Keberkesanan Penyedia Latihan, serta 19 petunjuk. Laporan pertama bagi pernilaian tersebut, iaitu *NTI Report 2022* telah mengukur 81,706 organisasi perniagaan dan lebih daripada 4.3 juta pekerja dari lima (5) sektor ekonomi dan 238 subsektor.

Markah NTI adalah dari 0.00 ke 1.00 dan dikategorikan kepada empat (4) tahap. Tahap-tahap tersebut adalah **Leader** (markah dari 0.76 ke 1.00), **Experienced** (markah dari 0.51 ke 0.75), **Adopter** (markah dari 0.26 ke 0.50) dan **Beginner** (markah dari 0.00 ke 0.25).

Menurut hasil kajian *NTI Report 2022*, Malaysia telah berjaya memperoleh markah 0.70 secara keseluruhan, ini meletakkan negara kita di dalam kategori **Experienced**. Ini bermakna bahawa majikan di Malaysia mempunyai kapasiti yang tinggi dari segi kesediaan latihan, kecekapan penyedia latihan, komitmen terhadap peningkatan kemahiran dan kemahiran semula serta tahap penyesuaian yang tinggi terhadap pembelajaran digital. Bagaimanapun, Malaysia masih kekurangan bilangan pekerja yang menghadiri kursus pensijilan, pembelajaran teknikal dan praktikal serta enrolmen rendah bagi program pengiktirafan pembelajaran terdahulu.

Laporan tersebut juga menunjukkan bahawa Malaysia perlu memberi keutamaan kepada penyediaan pendidikan dan peluang latihan kepada individu sepanjang hayat bekerja mereka. Tambahan pula, banyak organisasi

UNTUK SIARAN SEGERA

5 September 2023

Malaysia mempunyai unit khusus untuk latihan ataupun fasiliti latihan di premis mereka. Ini merupakan komitmen terhadap latihan dan pembangunan pekerja.

Melalui penilaian sektor individu, laporan tersebut mendapati bahawa sektor Pembuatan, Perkhidmatan, serta Perlombongan & Kuari berada pada kategori **Leader** dengan markah 0.98, 0.85 dan 0.77. Sebaliknya, sektor Pembinaan dan Pertanian, Perhutanan masih berada pada kategori **Adopter** dengan markah 0.44 and 0.48.

YB V. Sivakumar, yang berucap di majlis tersebut, berkata "NTI merupakan inisiatif yang selari dengan visi Ekonomi MADANI, iaitu untuk memperkasakan rakyat. Pelancaran NTI membuktikan komitmen HRD Corp terhadap pembangunan tenaga kerja yang berkualiti tinggi, serta mengutamakan integriti dalam industri."

Tambahnya, NTI akan menyediakan pandangan serta gambaran holistik mengenai landskap latihan dan pembangunan yang akan membantu kerajaan mencipta dasar dan inisiatif yang tepat dalam usaha untuk membangunkan tenaga kerja yang dinamik dan mudah menyesuaikan diri serta mampu memenuhi tuntutan industri.

Sementara itu, Ketua Eksekutif HRD Corp, Datuk Wira Shahul Dawood menambah, "Malaysia berada dalam kategori **Experienced** dengan skor indeks sebanyak 0.70 pada 2022. Ini adalah kedudukan yang patut dibanggakan kerana ia menunjukkan usaha yang telah dilakukan oleh HRD Corp, Kementerian Sumber Manusia, dan pemain industri sepanjang 30 tahun yang lalu telah memberikan hasil yang positif. Bagi meningkatkan penarafan tersebut seterusnya memperkuuhkan landskap latihan dan pembangunan kita, kita perlu mendapatkan lebih ramai bakat Malaysia memperoleh pensijilan profesional, meningkatkan kadar pendaftaran dalam kursus teknikal berkualiti tinggi seperti TVET dan STEM untuk melengkapkan rakyat Malaysia dengan kemahiran industri moden, serta menyediakan latihan dan laluan alternatif kepada mereka yang tidak menjalani pendidikan formal atau teknikal."

Beliau turut menyatakan bahawa HRD Corp telah menjadi tulang belakang kepada inisiatif seumpama ini sejak penubuhannya dan menyeru lebih banyak organisasi untuk turut serta dalam usaha meningkatkan kualiti tenaga kerja negara.

Laporan NTI akan diterbitkan setiap tahun bagi memastikan ia kekal relevan kepada pemain industri. Ini adalah indeks pertama seumpamanya bukan sahaja di Malaysia malah juga di rantau ini. HRD Corp juga berharap bahawa NTI tidak hanya menjadi tolok ukur industri tempatan, tetapi juga menetapkan standard untuk latihan dan pembangunan di Asia Tenggara pada masa depan.

- TAMAT -

UNTUK SIARAN SEGERA

5 September 2023

Mengenai Human Resource Development Corporation (HRD Corp):

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Ia kemudian diperbadankan menjadi Pembangunan Sumber Manusia Berhad pada melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Pada April 2021, HRDF telah dijenamakan semula kepada HRD Corp. Perubahan nama ini adalah cerminan tanggungjawab, arah dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuk memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja kepada semua majikan dan individu warga Malaysia; di samping memberi peluang menjana pendapatan kepada semua komuniti yang memerlukan.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan bakat tempatan untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari – www.hrdcorp.gov.my.
